

KENYATAAN AKHBAR

CIDB SASAR LATIH 28,000 PERSONEL BINAAN TAHUN 2014

KUALA LUMPUR, 29 April: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mensasarkan akan melatih 28,000 personel binaan tahun ini dalam pelbagai bidang yang mempunyai permintaan tinggi dan dijangkakan sekurang-kurangnya 80 peratus akan terus diserapkan dalam industri sebaik sahaja tamat latihan.

Menurut Ketua Eksekutif CIDB Dato' Sri Ir Dr Judin Abdul Karim, matlamat ini hanya akan dapat dicapai dengan kerjasama erat antara CIDB dan penggiat industri yang terdiri daripada syarikat-syarikat bertaraf antarabangsa dan agensi-agensi lain dalam usaha melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir dalam bidang pembinaan.

"CIDB amat menghargai sokongan serta komitmen yang ditunjukkan industri dalam melahirkan lebih ramai tenaga mahir bagi menampung permintaan industri pembinaan ini," katanya dalam ucapan alu-aluan sempena majlis graduasi Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Tengah, Timur dan Utara, milik CIDB, di sini hari ini.

Pada majlis tersebut, CIDB turut menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan tujuh rakan strategik, termasuk lima syarikat pembinaan antarabangsa iaitu Cementaid Sdn Bhd, Lend Lease Projects (M) Sdn Bhd, UAC Berhad, BWYS Group dan Urbanisma Consulting Group (UCG), serta Yayasan Pelajaran MARA dan Persatuan Kontraktor Jentera Melayu Malaysia (PKJMM) untuk menjalinkan kerjasama dalam latihan bidang pembinaan berimpak tinggi.

Cementaid yang merupakan pengeluar sistem kalis air dan penyelesaian rawatan permukaan dan cat dengan lebih 50 tahun pengalaman di dalam projek pembinaan

serantau akan bekerjasama dengan ABM untuk membangunkan modul kursus dan menyediakan latihan bagi bidang kalis air, "admixtures" dan penyelesaian permukaan dan mengecat untuk 150 pelatih binaan tahun ini.

Lend Lease pula, sebuah syarikat pembinaan terkemuka yang berpangkalan di Australia, bersedia bekerjasama dengan CIDB untuk mempertingkatkan latihan keselamatan di tapak bina di kesemua enam cawangan ABM. Syarikat tersebut telah menyiapkan lebih daripada 10,000 projek di serata dunia dan mempunyai komitmen menerapkan kemalangan dan kecederaan sifar di semua projek pembinaan mereka di Amerika, Australia, Asia and Eropah.

UAC Berhad, sebuah pengeluar utama serantau untuk papan simen gentian selulosa akan berkongsi kepakaran dalam pemasangan "Industrialised Building System" (IBS) dan pemasangan sistem dinding dan kekuda bumbung yang ringan.

BWYS Group, sebuah syarikat pengeluar, pemasangan dan latihan untuk bahan binaan keluli, akan menyediakan modul latihan serta tenaga pelatih untuk paip keluli dan produk perancah termasuk sistem bumbung dan produk pelbagai kekuda.

UCG, syarikat perunding tempatan yang berjaya menjalankan projek pembinaan di peringkat antarabangsa termasuk di Afrika Utara, Timur Tengah, Australia dan Asia, juga sedang bekerjasama dengan CIDB dalam mempromosikan IBS di Arab Saudi.

Sebelum ini, CIDB telah memeterai kerjasama dengan beberapa syarikat binaan antarabangsa yang lain termasuk Bayer, Lafarge, Monier, York dan Akzo Nobel dalam pelbagai aktiviti latihan pembinaan.

Pada tahun lepas, CIDB telah berjaya melatih 27,424 personel binaan dan, 75 peratus daripada mereka berjaya mendapat pekerjaan. Sejak penubuhannya pada tahun 1997,, ABM telah berjaya melatih hampir 200,000 personel binaan.

Majlis menandatangani MoU itu disaksikan Menteri Kerja Raya Datuk Fadillah Yusof yang hadir untuk menyampaikan Sijil Kecekapan Kemahiran kepada 300 graduan ABM yang telah tamat latihan.

Turut hadir pada majlis itu Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Datuk Himmat Singh, Pengerusi CIDB Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali, dan Ketua Pegawai Eksekutif CIDB Holdings Sdn Bhd Encik Abdul Latiff Hitam.

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan kearah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Noryani Ismail

noryani@cidb.gov.my

03-40477027/019-2856867

Enerda Omar

enerda@cidb.gov.my

03-40477008/012-6146671